

PENERAPAN CIRI-CIRI GURU BERKESAN DALAM PROSES PENGAJARAN  
DAN PEMBELAJARAN SEMASA LATIHAN MENGAJAR DALAM  
KALANGAN PELAJAR SARJANA UTHM

NORFAZILA BINTI ABDUL MALIK

Laporan projek ini dikemukakan sebagai  
memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Jan, 2013

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana penerapan ciri-ciri guru berkesan di kalangan pelajar sarjana Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kelas semasa menjalani latihan mengajar serta faktor yang paling dominan. Keduanya, kajian ini adalah untuk melihat tahap persepsi pelajar terhadap ciri-ciri guru berkesan pada guru pelatih dan menentukan sama ada terdapat perbezaan dalam memberi persepsi berdasarkan perbezaan jantina. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Kajian ini dijalankan di politeknik premier di Malaysia. Data instrumen yang hendak dikaji diperolehi daripada edaran borang soal selidik. Responden adalah terdiri daripada 182 orang pelajar politeknik dimana terdapat pelajar sarjana FPTV yang sedang menjalani latihan mengajar. Seramai lapan orang pensyarah pelatih telah dipilih secara rawak untuk menjadi sampel penilaian oleh responden. Data yang diperolehi akan di analisis dengan menggunakan pendekatan *Rasch* dan perisian *winsteps* 3.69.1.11. Nilai pekali *Alpha Cronbach* untuk kajian ini adalah 0.98. Dapatan kajian mendapati faktor kebolehan pensyarah kaya ilmu pengetahuan merupakan faktor yang paling dominan dengan nilai min logit -0.13. Dapatan kajian menunjukkan tahap persepsi pelajar terhadap ciri-ciri guru berkesan dalam kalangan pensyarah pelatih adalah tinggi. Dari segi memberi persepsi terhadap pensyarah pelatih berdasarkan ciri-ciri guru berkesan didapati tidak terdapat perbezaan dalam memberi persepsi walaupun berbeza jantina. Pensyarah pelatih dari UTHM telah menerapkan ciri-ciri guru berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran semasa latihan mengajar kerana berdasarkan dapatan kajian secara keseluruhannya responden menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi (skor min 4.25). Ini menunjukkan bahawa pensyarah pelatih telah mengaplikasikan kemahiran dan pengetahuan dari segi pedagogi, psikologi semasa menjalani latihan mengajar.



## ABSTRACT

This study was carried out to identify the application of effective teacher characteristics among postgraduate students of Faculty of Technical and Vocational Education (FPTV) from Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) in teaching and learning in the classroom teaching practice as well as the most dominant factor . Secondly, this study is to evaluate the students' perception on the characteristics of effective teachers among the student teachers and determine whether there is a difference in perception based on gender differences. This study is quantitative. The study was conducted at premier polytechnic in Malaysia. Instrument data were obtained from the distribution of questionnaires. The respondents consist of 182 polytechnic students where there were FPTV graduate students undergoing training. A total of eight student teachers were randomly selected as a sample evaluation by the respondents. Data collected were analyzed using Rasch approach and winsteps 3.69.1.11 software. Cronbach Alpha coefficient for this study was 0.98. The findings of the study showed that the student teachers' level of knowledge is the dominant factor with mean logit value of -0.13. The findings indicated that the students' perception on effective teacher characteristics among trainees was high. In terms of the perception based on the characteristics of effective teachers, there was mere difference in perception between the different genders. The student teachers from UTHM applied the characteristics of effective teachers in the teaching and learning during teaching practice as from the findings of the study, the respondents indicated a high level of agreement (mean score 4.25) on this. This proves that the trainees have applied the skills and knowledge from pedagogy, psychology teaching practice.



## KANDUNGAN

	<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiv</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xv</b>
<b>BAB I</b>	<b>PENGENALAN</b>	
	1.1     Pendahuluan	1
	1.2     Latar Belakang Masalah	4



PTTA UTHM

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.3	Penyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Soalan Kajian	7
1.6	Skop Kajian	7
1.7	Batasan Kajian	8
1.8	Kepentingan Kajian	8
1.9	Kerangka Teori	10
1.10	Kerangka Konsep	12
1.11	Definisi Termonologi	13

## BAB II KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	16
2.2	Guru Berkesan	16
2.2.1	Ciri-Ciri Guru Berkesan	16
2.3	Pengajaran Dan Pembelajaran	17
2.3.1	Pengajaran Berkesan	17
2.4	Teori Dan Model Pengajaran Dan Pembelajaran	19
2.4.1	Teori Konstruktivisme	19
2.4.1.1	Konsep Umum Pendekatan Konstruktivisme	20
2.4.1.2	Ciri – Ciri P & P Konstruktivisme	20
2.4.2	Model Slavin	23
2.4.3	Model Pengajaran Robert Glaser	23
2.4.4	Model Pengajaran Sim	24
2.5	Pendekatan Pengajaran	27
2.6	Strategi Pengajaran	28
2.7	Gaya Pengajaran	29
2.8	Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV)	30
2.9	Visi dan Misi Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV)	31
3.0	Program Sarjana yang Ditawarkan Di FPTV	31
3.1	Latihan Mengajar	32
3.1.1	Kepentingan Latihan Mengajar	33



3.1.2	Objektif Latihan Mengajar Kpm	34
3.1.3	Objektif Latihan Mengajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Uthm)	35
3.1.4	Matlamat Latihan Mengajar	36
3.1.5	Peranan UTHM Dalam Menentukan Kesesuaian Program Latihan Mengajar	36
3.2	Sorotan Kajian	38
3.2.1	Kebolehan Untuk Memahami Pengajaran	38
3.2.2	Kesesuaian Aras Pengajaran	40
3.2.3	Kaya Ilmu	41
3.2.4	Melengkapkan Diri Dengan Kemahiran Yang Seajar Dengan Tuntutan Semasa	42

### **BAB III METODOLOGI**

3.1	Pengenalan	44
3.2	Reka Bentuk Kajian	44
3.3	Lokasi Kajian	45
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	46
3.5	Instrumen Kajian	47
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	48
3.6.1	Kesahan Instrumen	48
3.6.2	Kebolehpercayaan Instrumen	49
3.6.2.1	Kajian Rintis	49
3.7	Kaedah Pengumpulan Data	56
3.8	Analisis Data	56
3.9	Carta Alir Kajian	57
3.10	Rumusan	59

### **BAB IV ANALISIS KAJIAN**

4.1	Pengenalan	60
4.2	Analisis Data	60
4.2.1	Data Demografi Responden	61

4.2.2	Faktor yang Paling Dominan	63
4.2.3	Tahap Persepsi Pelajar Terhadap Ciri-Ciri Guru Berkesan	65
4.2.4	Perbezaan Persepsi Berdasarkan Jantina	66
4.2.5	Ciri-Ciri Guru Berkesan Pada Pensyarah Pelatih UTHM	68
4.3	Penutup	71

## **BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	72
5.2	Perbincangan kajian	72
5.2.1	Faktor Yang Paling Dominan Dalam Ciri-Ciri Guru Berkesan	73
5.2.2	Tahap Persepsi Pelajar Terhadap Ciri – Ciri Guru Berkesan	75
5.2.3	Perbezaan persepsi Berdasarkan jantina	75
5.2.4	Ciri-Ciri Guru Berkesan pada Pensyarah Pelatih UTHM	76
5.3	Kesimpulan	77
5.4	Cadangan	78
5.4.1	Cadangan Kepada Pensyarah Pelatih	78
5.4.2	Cadangan Kepada Fakulti	80
5.5	Cadangan Kepada Penyelidik Akan Datang	81

<b>RUJUKAN</b>	83
----------------	----

<b>LAMPIRAN</b>	
-----------------	--



## SENARAI JADUAL

3.1	Skala <i>Likert</i>	47
3.2	Bilangan Item Bagi Setiap Dimensi Penerapan Ciri-Ciri Guru Berkesan	47
3.3	Inteprestasi Skor <i>Alpha – Cronbach</i>	49
3.4	Ringkasan Statistik 30 Responden Yang Diukur	50
3.5	Ringkasan Statsitik 51 Item Yang Diukur	51
3.6	Pengukuran Polariti Item	51
3.7	Pengukuran Item ( <i>Item Measure</i> )	53
3.8	Kolerasi Residual Terpiawai Terbesar Pada Item ( Standardized Residual Correlations)	54
3.9	Ringkasan Jumlah Item yang Kekal Dan Digugurkan	55
3.10	Ringkasan Statistik Selepas Kajian Rintis	56
3.11	Ringkasan kaedah Analisis dan Instrumen Kajian Yang Digunakan Terhadap Persoalan Kajian yang Dibina	57
4.1	Latar Belakang Pelajar Mengikut Jantina	61
4.2	Latar Belakang Pelajar Mengikut Umur	61
4.3	Latar Belakang Pelajar Mengikut Bangsa	62
4.4	Latar Belakang Pelajar Mengikut Jurusan Pengajian	62
4.5	Latar Belakang Pelajar Mengikut Tempat Pengajian	62





4.6	Analisis Setiap Faktor Berdasarkan Mean Logit	63
4.7	Analisis Item bagi faktor Kebolehan Pensyarah Pelatih. Dalam Memahami Pengajaran	64
4.8	Tahap Persepsi Pelajar Terhadap Setiap Faktor Ciri – Ciri Guru Berkesan Di kalangan Pensyarah Pelatih UTHM	65
4.9	Analisis Perbezaan Persepsi Berdasarkan Perbezaan Jantina	67
4.10	Ringkasan Keseluruhan Bagi Item-Item Yang Terlibat	69
4.11	Persetujuan Keseluruhan Responden Terhadap Penerapan Ciri –Ciri Guru Berkesan Di Kalangan Pensyarah Pelatih UTHM	70
4.12	Ringkasan Keseluruhan Bagi Responden Yang Terlibat	71



**SENARAI RAJAH**

1.1	Kerangka Teori Kajian	10
1.2	Kerangka Konsep Kajian	12
2.1	Proses Pengajaran Berasaskan Model Glaser	23
2.2	Proses Pengajaran Berdasarkan Model Sim	25
2.3	Objektif Menjadi Fokus Utama Dalam Model Sim	25
2.4	Isi Pengajaran Menjadi Fokus Utama Dalam Model Sim	26
2.5	Persekitaran Menjadi Fokus Dalam Model Sim	27
3.2	Carta Alir Kajian	58



PTTAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI SINGKATAN**

UTHM	–	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
FPTV	–	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
MNSQ	–	Mean Square
PT-Mean Corr	–	<i>Point Measure Correlation</i>
KPM	–	Kementerian Pendidikan Malaysia
UPM	–	Universiti Putra Malaysia
GPPI	–	Guru Pelatih Pendidikan Islam
SLE	–	<i>Smart Learning Enviroment</i>
PTV	–	Pendidikan Teknik dan Vokasional
P&P	–	Pengajaran dan Pembelajaran
LM	–	Latihan Mengajar



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI LAMPIRAN**

- A Surat Permohonan Kebenaran Melakukan Penyelidikan
- B Borang Soal Selidik
- C Borang Pengesahan Soal Selidik
- D
- (a) Jadual Ringkasan Bagi 30 Orang Responden Bagi Kajian Rintis
  - (b) Jadual Ringkasan Bagi 51 Item Bagi Kajian Rintis
  - (c) Jadual Susunan Polariti Bagi Setiap Item
  - (d) Jadual Pengukuran Bagi Setiap Item
- E
- (a) Jadual Ringkasan Statistik 182 Responden yang Diukur
  - (b) Jadual Susunan Item Berdasarkan Perbezaan Jantina
  - (c) Jadual Susunan Item Berdasarkan Perbezaan Jantina
  - (d) Jadual Susunan Item Berdasarkan Perbezaan Bangsa
  - (e) Jadual Susunan Item Berdasarkan Perbezaan Jurusan Pengajian
  - (f) Jadual Susunan Item Berdasarkan Tempat Pengajian
  - (g) Jadual Susunan Analisis bagi Item Kebolehan Pensyarah Pelatih Dalam Memahami Pengajaran
  - (h) Jadual Susunan Analisis bagi Item Kebolehan Pensyarah Pelatih Kaya Dengan Ilmu Pengetahuan
  - (i) Jadual Susunan Analisis bagi Item Pensyarah Pelatih Memiliki Kemahiran Mengikut Perkembangan Semasa
  - (j) Jadual Susunan Analisis bagi Item Kebolehan Pensyarah Pelatih Dalam Menentukan Aras Pengajaran
  - (k) Jadual Susunan Perbezaan Persepsi Bagi Faktor Kebolehan Pensyarah Dalam Memahami Pengajaran Berdasarkan Perbezaan Janti



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TINGKATAN AMINAH

- (l) Jadual Susunan Perbezaan Persepsi Bagi Faktor Pensyarah Pelatih Memiliki Kemahiran Mengikut Perkembangan Semasa Berdasarkan Perbezaan Jantina.
- (m) Jadual Susunan Perbezaan Persepsi Bagi Faktor Kebolehan Pensyarah Pelatih Dalam Menentukan Aras Pengajaran Berdasarkan Perbezaan Jantina
- (n) Jadual Susunan Perbezaan Persepsi Bagi Faktor Kebolehan Pensyarah Pelatih Kaya Dengan Ilmu Pengetahuan Berdasarkan Perbezaan Jantina
- (o) Jadual Susunan Bagi Item-Item yang Terlibat
- (p) Jadual Persetujuan Keseluruhan Responden Terhadap Penerapan ciri-ciri Guru Berkesan Di kalangan Pensyarah Pelatih
- (q) Jadual Ringkasan Keseluruhan Bagi Responden yang Terlibat.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

“Pendidikan bertaraf dunia” sebagai wacana dalam dasar pendidikan negara meletakkan proses pendidikan sebagai satu bidang yang penting dalam kehidupan seharian khususnya di sekolah-sekolah yang berfungsi sebagai institusi perkembangan ilmu. Pengiktirafan yang diberikan terhadap bidang pendidikan membawa satu implikasi dan impak yang serius terhadap profesion perguruan yang secara langsung terlibat di dalam sistem penyampaian ilmu. Pendidikan bertaraf dunia mempunyai wawasan ke arah melahirkan generasi mengamalkan budaya fikir, kritis, kreatif dan inovatif. Hanya manusia yang berbudaya fikir dapat bersaing di medan antarabangsa serta menjanakan idea ke arah pembangunan tamadun ilmu, masyarakat, budaya, bangsa dan negara.

Pendidikan guru di Malaysia telah bermula pada tahun 1922 apabila maktab perguruan pertama didirikan iaitu Maktab Perguruan Sultan Idris. Usaha kerajaan yang berterusan sehingga hari ini telah mewujudkan banyak maktab perguruan dan universiti yang menawarkan kursus perguruan untuk melahirkan rakyat yang berilmu dan berakhlak mulia. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1988) juga jelas menyatakan bahawa, pendidikan di Malaysia merupakan satu usaha berterusan ke arah mengembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmoni dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Seperti yang telah dinyatakan dalam Wawasan 2020 pendidikan merupakan agenda penting bagi memenuhi aspirasi untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjadi realiti. Implikasi daripada Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini, guru seharusnya lebih



berilmu dan bersikap positif dalam melaksanakan aktiviti bagi mencapai aspirasi tersebut.

Kualiti pendidikan pula bergantung kepada para pendidik. Pendidikan guru sangat menyumbang kepada pembangunan negara, kerana guru merupakan golongan yang mendidik generasi muda untuk membentuk sumber tenaga kerja yang sempurna. Guru juga merupakan tunjang kepada bidang pendidikan kerana mereka adalah golongan yang dapat merialisasikan matlamat yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi. Falsafah Pendidikan Guru pula menyatakan bahawa, guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia mendukung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara seterusnya menjamin perkembangan individu dan memelihara satu masyarakat yang bersatu-padu, demokratik, progresif dan berdisiplin. Seorang pendidik yang professional mempunyai ciri-ciri professionalisme yang lazimnya dikaitkan dengan sesuatu profession.

Pengajaran dapat dihuraikan sebagai penyediaan peluang yang membolehkan pelajar belajar (Brown, 1988) dalam (Sulaiman, 2003). Bagi pendapat Dick dan Reiser, (1989) dalam (Sulaiman, 2003) pengajaran dapat didefinisikan sebagai interaksi yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar dalam bentuk khusus dan telah ditentukan. Pengajaran adalah satu proses aktiviti yang dikendalikan oleh guru bagi menghubungkan pelajar-pelajar melalui pemahaman yang dijangkakan dapat dipindahkan setelah hubungan itu dikawal baik oleh kaedah yang digunakan.

Pembelajaran pula ialah perubahan dalam tingkah laku yang dihasilkan daripada pengalaman Gage dan Berliner, (1991). Bagi pendapat Brunei seorang ahli psikologi kognitif, beliau melihat pembelajaran sebagai proses aktif iaitu pelajar membina idea baru atau konsep yang berasaskan pengetahuan lalu dan semasa mereka. Stalling (1973) pula menyatakan bahawa pembelajaran berlaku berdasarkan tiga kriteria yang penting iaitu pembelajaran harus menampakkan perubahan dalam tingkah laku. Kedua pembelajaran haruslah melibatkan sesuatu pemikiran. Ketiga, pembelajaran haruslah menghasilkan perubahan melalui pengalaman atau latihan. Pembelajaran juga merupakan pemerolehan tabiat, pengetahuan dan sikap Crow dan Crow (1983). Beliau menyatakan bahawa pembelajaran melibatkan cara baru membuat sesuatu kerja dan ia berlaku dalam percubaan individu untuk mengatasi rintangan atau untuk menyesuaikan diri kepada situasi baru.



Pengajaran dan pembelajaran adalah merupakan bidang tugas seorang pendidik. Kelebihan ini menjadikan pendidik adalah seorang yang profesional dalam mendidik insan. Pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran dan teori psikologi diguna pakai selain perlu mahir dari segi intelektual, emosi, sahsiah serta beriman demi mencapai agendanya iaitu memanusiaikan insan. Maka, untuk melahirkan seorang bakal pendidik yang dapat memenuhi syarat tersebut, pendidikan yang harus dikuasai oleh bakal-bakal pendidik adalah merupakan elemen yang sangat penting dan seharusnya tidak diabaikan.

Terdapat kajian-kajian yang telah dilakukan di Malaysia membuktikan bahawa faktor pendidik adalah signifikan dalam mempengaruhi prestasi akademik dan pembentukan peribadi pelajar. Menurut kajian How (2007) misalnya mengemukakan faktor-faktor yang mempengaruhi gejala ponteng dalam kalangan pelajar tingkatan dua dan empat di daerah Johor Bahru. Kajian beliau mendapati faktor yang paling dominan yang mendorong pelajar ponteng sekolah adalah disebabkan oleh faktor guru. Ahmad (2008) pula mendapati wujudnya hubungan yang signifikan antara komitmen pelajar dalam pembelajaran bahasa Malaysia dengan amalan pengajaran guru dalam mata pelajaran tersebut. Dalam kajian yang dilakukan oleh Khalid, (2003) juga mendapati wujudnya korelasi antara sikap dan motivasi pelajar terhadap bahasa Inggeris hasil daripada amalan pengajaran guru dengan pencapaian mereka dalam ujian mata pelajaran tersebut.

Di luar negara juga terdapat kajian-kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa guru yang berkualiti dapat mempengaruhi perkembangan dan pencapaian pelajar dalam pelajaran. Menurut Hattie, (2003) dalam kajiannya yang melihat perbezaan antara guru pakar dengan guru baru dan guru berpengalaman membuktikan bahawa guru merupakan faktor kedua utama yang mempengaruhi perbezaan dalam pencapaian pelajar selepas faktor diri pelajar itu sendiri. Menurut Hattie lagi, sekolah, pengetua, rakan sebaya serta sokongan dan dorongan ibu bapa dan keluarga juga merupakan sumber-sumber lain yang penting dalam mempengaruhi pencapaian pelajar. Kajian Sander, (1996) tentang nilai tambah pendidikan di Tennessee menunjukkan bahawa pencapaian yang berbeza antara pelajar-pelajar yang diajar oleh guru yang berkualiti tinggi dengan para pelajar yang diajar oleh guru yang berkualiti rendah untuk tiga tahun berturut-turut. Hasilnya jelas menunjukkan bahawa kualiti guru yang berbeza memberikan kesan yang berbeza terhadap pencapaian pelajar. Kajian-kajian ini telah membuktikan bahawa guru





mempunyai pengaruh dan peranan penting dalam meningkatkan komitmen pelajar terhadap pelajaran mereka (How, 2007).

Fokus yang diberikan dalam kajian ini adalah pensyarah pelatih yang terdiri daripada Pelajar Sarjana Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional (FPTV) semester 2 sesi 2011/2012 yang akan menjalani latihan mengajar dan mengetahui sejauhmana penerapan ciri-ciri guru berkesan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran semasa mengikuti latihan mengajar. Latihan mengajar merupakan salah satu daripada komponen kurikulum yang harus dilalui oleh seorang pensyarah pelatih semasa di dalam latihan perguruan. Di mana situasi ini pensyarah pelatih akan dapat mengamalkan prinsip-prinsip, konsep-konsep dan nilai-nilai serta kemahiran sebagaimana pensyarah - pensyarah yang sudah professional, pada peringkat ini juga pensyarah pelatih akan menerima bimbingan secara formatif daripada pensyarah penyelia, pensyarah pembimbing, rakan sekerja dan juga rakan sebaya.

Latihan mengajar akan mendedahkan bakal pendidik kepada keadaan sebenar alam pendidikan yang mereka ceburi. Bakal pendidik dari UTHM juga tidak terkecuali daripada syarat yang telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah mewajibkan semua bakal pendidik yang sedang menjalani latihan pendidikan perguruan di Maktab mahupun di universiti untuk memenuhi syarat pendidikan guru iaitu bakal pendidik diwajibkan menjalani latihan mengajar selama 12 minggu KPM (1978). Oleh yang demikian, bakal-bakal pendidik seharusnya mempunyai tahap kesediaan yang sewajarnya sebelum menjalani latihan mengajar.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Hampir setiap tahun isu kebolehan guru pelatih dipertikaikan. Prestasi yang ditunjukkan oleh guru pelatih kurang memuaskan (Kementerian Pengajaran Tinggi Malaysia Dan Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005) serta tahap kesediaan, minat dan sikap, pengetahuan dan kemahiran mengajar yang berada ditahap sederhana (Abu, B. 2006; Omar, S. et al., 1994) dan ini dapat dilihat daripada pencapaian murid yang tidak memuaskan dari segi pembinaan sahsiah dan keperibadian pelajar dan guru pelatih juga gagal untuk membentuk generasi pelajar diharapkan.

Terdapat kajian menyatakan bahawa terdapat permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut Zakaria et al. (2001), kebanyakan guru pelatih tidak dapat mengaplikasikan kaedah-kaedah yang telah dipelajari sebelumnya ketika di

institusi pengajian tinggi ke dalam kelas sebenar semasa di sekolah. Selain itu beliau juga berpendapat guru pelatih juga berhadapan dengan masalah besar dalam usaha untuk mengajar dan memperbaiki pengajaran. Raths (2001) pula berpendapat bahawa banyak program pendidikan keguruan masa kini didapati tidak efektif dalam menambahbaik amalan latihan mengajar.

Satu kajian juga telah dijalankan di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan mendapati bahawa masalah yang paling besar dihadapi oleh guru pelatih ialah proses pengajaran dan pembelajaran (Zakaria et al., 2001). Dalam merancang pengajaran dan pembelajaran, seseorang guru pelatih mesti bijak memilih kaedah mengajar, membuat perancangan pengajaran dan menyediakan bahan bantu mengajar. Manakala Abd.Rahim,( 1999) berpendapat seseorang guru perlu mempunyai pelbagai pengetahuan, khususnya dalam bidang yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana pengetahuan guru dari perspektif pengajaran membolehkan seseorang guru itu memainkan peranannya dengan lebih efektif dan mampu menangani pelbagai masalah yang dihadapi.

Selain itu terdapat juga permasalahan bagi guru pelatih dalam mengendalikan kelas. Dapatan ini di sokong oleh kajian yang dijalankan oleh Herbert dan Worthy (2001) menyatakan bahawa guru pelatih mengalami masalah dalam pengurusan kelas, kebolehan merancang dan penguasaan subjek yang hendak diajar. Guru pelatih juga kurang keyakinan diri semasa berada di dalam kelas. Herbert dan Worthy (2001) juga berpendapat bahawa guru pelatih memulakan latihan mengajar dengan perasaan tidak selamat dan ketakutan, guru pelatih seharusnya menunjukkan kematangan dan keyakinan yang tinggi serta memperbaiki kelemahan diri agar tidak nampak kelemahan dihadapan para pelajar. Ini kerana keterampilan seorang guru memberi implikasi awal terhadap para pelajar sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran. Othman dan Hamzah (2001), berpendapat keyakinan guru pelatih dalam menyampaikan isi pelajaran juga masih rendah.

Keadaan ini adalah selari dengan hasil daripada kajian Ragbir Kaur (1998) yang mendapati bahawa maklum balas guru pelatih terhadap keupayaan mereka menjalani latihan mengajar adalah kurang memuaskan dimana hanya 60% sahaja guru pelatih yang merasai pengajaran sebenar mereka adalah sangat baik. Dapatan kajian beliau juga mendapati hampir separuh daripada guru pelatih menyatakan bahawa kemahiran pedagogi yang dapat digunakan dalam latihan mengajar adalah sederhana dan mencukupi sahaja.

Alsagoff, (1983) juga menyatakan bahawa pengajaran yang berkesan adalah merujuk kepada guru yang dapat membawa pelajar kepada hasil pembelajaran terakhir yang diinginkannya. Oleh itu, pembentukan proses pengajaran berkesan mempunyai nilai yang berbeza-beza namun ia masih bermatlamat untuk melihat hasil daripada isi pelajaran yang disampaikan.

Mewujudkan proses pengajaran yang berkesan memerlukan kepada komitmen guru sepenuhnya. Guru seharusnya memerlukan segala persediaan yang rapi meliputi pengetahuan dan kemahiran penyampaian isi pelajaran agar membuka minda dan minat pelajar. Dengan itu, terbentuklah suasana pembelajaran yang melibatkan tindak balas positif dan tingkah laku aktif para pelajar.

### 1.3 Penyataan Masalah

Hasil daripada permasalahan yang dikemukakan, pengkaji berpendapat terdapat permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran di kalangan pelajar yang sedang menjalani latihan mengajar. Abu Hassan (1995) berpendapat guru-guru pelatih didapati kurang peka dan tidak memberi perhatian yang serius terhadap personaliti dan sahsiah mereka semasa menjalani latihan mengajar manakala Kassim et.al (1994) pula menyatakan tahap kesediaan pedagogi guru pelatih dikatakan kurang memuaskan kerana kebanyakan guru pelatih tidak dapat membuat persediaan berkaitan bahan dan isi kandungan pelajaran yang baik untuk disampaikan kepada para pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Dalam pendidikan formal, proses pengajaran menjadi elemen terpenting bagi mencapai keberkesanan isi pelajaran yang disampaikan. Alsagoff (1983) menyatakan bahawa proses pengajaran berkesan akan hanya dicapai menerusi pendekatan, kaedah dan teknik yang bersesuaian oleh seorang guru untuk mencapai objektif pengajarannya terhadap isi pelajaran yang disampaikan. Hal ini melibatkan kemahiran serta penguasaan penuh guru terhadap pelajaran yang disampaikan.

Oleh itu satu kajian diperlukan untuk mengkaji sejauhmana penerapan ciri-ciri guru berkesan dikalangan Pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional Universiti Tun Hussien Onn Malaysia semasa menjalani latihan mengajar. Ini kerana pengajaran berkesan dapat dilaksanakan oleh guru yang berkesan. Jadi jika seseorang guru mempunyai ciri-ciri guru berkesan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di kelas masalah atau isu yang timbul dapat diatasi.

#### 1.4 Objektif kajian

Objektif kajian ini ialah :

- (i) Mengenalpasti faktor yang paling dominan dalam ciri-ciri guru berkesan di kalangan pensyarah pelatih UTHM dalam pengajaran dan pembelajaran.
- (ii) Mengenalpasti tahap persepsi pelajar terhadap pensyarah pelatih UTHM dari aspek ciri-ciri guru berkesan.
- (iii) Mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan dari segi memberi persepsi pensyarah pelatih UTHM berdasarkan perbezaan jantina.
- (iv) Mengenal pasti ciri-ciri guru berkesan yang terdapat pada guru pelatih di kalangan pelajar sarjana UTHM.

#### 1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini ialah :

- (i) Apakah faktor yang paling dominan dalam ciri-ciri guru berkesan di kalangan pensyarah pelatih UTHM dalam pengajaran dan pembelajaran?
- (ii) Apakah tahap persepsi pelajar terhadap pensyarah pelatih UTHM dari aspek ciri-ciri guru berkesan?
- (iii) Adakah terdapat perbezaan dari segi memberi persepsi terhadap pensyarah pelatih UTHM berdasarkan perbezaan jantina?
- (iv) Adakah terdapat ciri-ciri guru berkesan pada pensyarah pelatih di kalangan pelajar sarjana UTHM ?

#### 1.6 Skop Kajian

Skop kajian ini secara umumnya untuk mengenalpasti sejauhmana penerapan ciri-ciri guru berkesan di kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV), Universiti Tun Hussin Onn Malaysia dalam sesi pengajaran dan pembelajaran semasa menjalani latihan mengajar dan seterusnya memfokuskan ciri-ciri guru berkesan yang dominan serta mendapat persepsi pelajar terhadap pensyarah pelatih.

## 1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian ini adalah terhad kepada para pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (MBV) di Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia yang akan menjalani latihan mengajar di hujung semester.

Berikut batasan yang ditentukan oleh penyelidik:

- i. Kajian ini terhad kepada dua jabatan di politeknik sahaja iaitu Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Jabatan Kejuruteraan Elektrik.
- ii. Kajian ini dijalankan di Politeknik Premier sahaja.
- iii. Kajian ini dijalankan kepada pelajar sarjana FPTV UTHM semester 2 sesi 2011/2012 yang sedang menjalani latihan mengajar.
- iv. Pelajar sarjana tersebut sedang menjalani latihan mengajar selama 8 minggu.
- v. Kajian ini menumpukan kepada ciri-ciri guru berkesan dari segi:
  - a) Kebolehan pensyarah pelatih dalam memahami pengajaran
  - b) Kebolehan pensyarah pelatih dalam menentukan kesesuaian aras pengajaran
  - c) kebolehan pensyarah pelatih kaya dengan ilmu pengetahuan
  - d) Pensyarah pelatih memiliki kemahiran mengikut perkembangan semasa.

## 1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana hasil dapatan daripada kajian ini diharap dapat dijadikan panduan dan rujukan;


- (i) Pihak Universiti Tun Hussein Onn Malaysia terutama kepada Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) dapat mengetahui sejauhmana penerapan ciri-ciri guru berkesan di kalangan pelajar semasa menjalani latihan mengajar di tempat- tempat yang telah ditetapkan.
- (ii) Pihak Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional (FPTV), bagi mengetahui sejauhmana keberkesanan pengajian mikro yang telah di tetapkan dalam kurikulum dapat membantu para pelajar sarjana untuk melengkapkan diri sebagai pendidik semasa menjalani latihan mengajar.

- (iii) Panduan kepada para pelajar yang mengikuti latihan mengajar kerana para pelajar akan dapat mengetahui sejauhmana mereka mengaplikasikan ciri-ciri guru berkesan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran serta menerapkan kemahiran dan kaedah yang telah dipelajari semasa di universiti.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## 1.9 Kerangka Teori



Rajah 1.1: Kerangka Teori Kajian

Berdasarkan kerangka teori di atas, dapat dilihat teori pembelajaran yang digunakan adalah teori konstruktivisme. Teori ini memberi penekanan terhadap pengetahuan melalui pembelajaran yang dibina secara aktif oleh individu yang berfikir. Bagi pendapat (McBrien & Brandt 1997 dan Brine 1999 ) melalui teori ini pelajar akan menyesuaikan sebarang maklumat baru dengan maklumat sedia ada mereka untuk membentuk pengetahuan baru dalam minda mereka dengan bantuan interaksi sosial bersama rakan dan guru.

Dalam teori konstruktivisme ini juga, menurut pandangan Nik Pa, (1999) penekanan adalah tidak lebih daripada satu komitmen terhadap pandangan bahawa manusia membina pengetahuan sendiri. Ini membawa maksud sesuatu pengetahuan yang diperolehi oleh seseorang individu adalah hasil daripada aktiviti yang dilakukan oleh individu tersebut, dan bukan sesuatu maklumat atau pengajaran yang diterima secara pasif.

Berdasarkan teori konstruktivisme ini dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dipecahkan kepada dua peranan iaitu peranan guru dan peranan pelajar. Bagi peranan guru banyak menekankan kepada tugas yang perlu dilakukan oleh guru dalam menyampaikan pengajaran secara berkesan. Guru seharusnya menerima pelajar sebagai individu yang mempunyai ciri-ciri perlakuan yang berbeza dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru juga perlu menerima sebarang pendapat mahupun idea yang berkaitan dengan pembelajaran pada waktu itu. Keadaan ini secara tidak langsung telah mendorong minat pelajar dalam pembelajaran dan akan terhapuslah situasi keterasingan di kalangan pelajar.


Guru juga perlulah berperanan sebagai pembimbing dan fasilitator dalam membantu para pelajar dalam proses pembelajaran. Kepelbagaian aktiviti serta mengajukan pelbagai persoalan di dalam bilik darjah kepada para pelajar adalah salah satu peranan yang perlu dilakukan oleh guru dalam memastikan keterlibatan aktif pelajar dalam menemukan atau mengutarakan idea-idea terbaru. Aktiviti yang dilaksanakan adalah berpusatkan pelajar. Keadaan ini menuntut agar guru lebih prihatin terhadap keperluan dan kehendak pelajar. Oleh itu bakal guru perlulah bersedia dan mempraktikkan kemahiran dan memantapkan ilmu pengetahuan dalam memastikan pengajaran yang dilaksanakan memberi impak dan kesan kepada pelajar. Melalui peranan guru yang dinyatakan inilah pengkaji ingin mengkaji sama ada terdapat ciri-ciri guru berkesan dikalangan pensyarah pelatih UTHM semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Bagi peranan pelajar pula ia lebih





menekankan bagaimana pelajar mengembangkan ilmu yang diperoleh semasa sesi Pengajaran dan pembelajaran.

### 1.10 Kerangka Konsep Kajian



Rajah 1.2: Kerangka Konsep kajian

Berdasarkan kerangka konsep kajian di atas, dapat dilihat kajian yang hendak dilaksanakan oleh pengkaji adalah terhadap guru pelatih dalam meneliti adakah guru pelatih telah melaksanakan ciri-ciri guru berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran semasa menjalani latihan mengajar. Terdapat empat ciri guru berkesan yang hendak dikaji oleh pengkaji iaitu pertama guru pelatih berkebolehan dalam memahami pengajaran yang hendak di ajar. Ini penting kerana menurut Shulman (1987) menyatakan salah satu faktor yang penting dalam pengajaran adalah

'Pedagogical Content Knowledge' dan beliau mendefinisikan ia adalah gabungan antara kandungan (content) dan pedagogi untuk memahami bagaimana sesuatu topik, masalah atau sesuatu isu itu disusun, dipersembahkan dan disesuaikan dengan pelajar yang kemudian dipersembahkan dalam pengajaran.

Ciri kedua yang hendak dikaji ialah Berkebolehan dalam menentukan Kesesuaian Aras Pengajaran. Kesesuaian aras pengajaran merupakan salah satu ciri-ciri guru berkesan di bawah model Salvin (1994). Aras pengajaran yang sesuai bermaksud pengajaran mestilah sesuai dengan kebolehan dan keupayaan pelajar. Ciri guru berkesan yang ketiga ialah pensyarah pelatih haruslah kaya ilmu pengetahuan. Menurut Singh (2007), fungsi guru ialah mendidik pelajar dalam pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran daripada pelbagai disiplin dalam kurikulum sekolah. Guru harus mendalami ilmu sebanyak mungkin supaya dapat menyebarkan ilmu kepada para pelajar.

Ciri terakhir yang hendak dikaji ialah mempunyai kemahiran mengikut perkembangan semasa. Ini kerana guru yang profesional juga sentiasa mengikut perkembangan terhadap kajian-kajian lampau dan terkini bagi mengemaskinkan pengetahuan dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran mereka. Ciri-ciri guru berkesan yang terdapat pada pensyarah pelatih ini akan dinilai oleh para pelajar politeknik di mana pensyarah pelatih ini ditempatkan untuk menjalani latihan mengajar. Hasil pengumpulan data dan analisis yang akan dijalankan akan menentukan sama ada terdapat atau tidak penerapan ciri-ciri guru berkesan dikalangan pensyarah pelatih UTHM ini.

### **1.11 Definisi Terminologi**

Bagi mengelakkan kekeliruan dan ketidakfahaman di kalangan pembaca, definisi terminologi yang bersesuaian dengan konteks kajian ini disediakan dan diterangkan dalam bahagian ini. Antara definisi istilah-istilah tersebut adalah seperti di bawah :



### 1.11.1 Pensyarah Pelatih

Pensyarah pelatih dalam kajian ini bermaksud bakal guru yang diwajibkan menjalani latihan mengajar untuk tujuan mendedahkan mereka tentang tugas, tanggungjawab dan peranan seorang pensyarah di politeknik. Pensyarah pelatih yang difokuskan di sini ialah pelajar Sarjana Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang sedang mengikuti latihan mengajar.

### 1.11.2 Guru Berkesan

Cruickshank, Jenkins, & Metcalf (2006) mendefinisikan guru berkesan adalah seseorang yang boleh membantu pelajar memperoleh sebanyak mungkin dari pengajarannya. Dalam kajian ini ciri-ciri guru berkesan akan dikaji oleh pengkaji.

### 1.11.3 Pelajar

Menurut Kamus Dewan (1996), mentakrifkan pelajar sebagai murid atau penuntut. Pelajar adalah golongan orang yang belajar atau menuntut di sekolah, maktab atau universiti. Pelajar pula membawa maksud, “sesiapa yang berada di bangku sekolah dan bertujuan untuk mendapatkan pelajaran secara formal sama ada di sekolah menengah ataupun sekolah rendah”. Pelajar dalam kajian ini ialah pelajar politeknik premier iaitu Politeknik Ungku Omar ,Perak, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, dan Politeknik Ibrahim Sultan, Johor Bharu.

### 1.11.4 Latihan Mengajar

Ramli (2002) mendefinisikan latihan mengajar merupakan satu siri pengalaman praktik yang sistematik berasaskan sekolah dengan tujuan membantu guru pelatih menjadi guru professional dan bersepadu. Semasa latihan mengajar, guru pelatih akan ditempatkan di sekolah untuk mempraktikkan teori-teori dan kemahiran mengajar yang diperolehi sepanjang berada di universiti. Dalam kajian ini tempoh latihan mengajar bagi guru pelatih UTHM adalah selama 8 minggu dan mereka ditempatkan di politeknik seluruh Malaysia.

#### 1.11.5 Politeknik Premier

Mengikut Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) Fasal (2007-2010), politeknik premier adalah politeknik sedia ada yang dinaik taraf. Dalam kajian ini politeknik premier terdiri daripada Politeknik Ungku Omar ,Perak, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, dan Politeknik Ibrahim Sultan, Johor Bharu akan menjadi lokasi kajian dijalankan oleh penyelidik.

#### 1.11.6 Pengajaran dan pembelajaran (P&P)

Menurut Helnich, Melenda dan Russell (1998) dalam Abdul Rahman (2000), Pengajaran merupakan penyusunan dan pengumpulan maklumat untuk menghasilkan pembelajaran. Pengajaran adalah proses yang berorientasikan matlamat yang hendak dirancang terlebih dahulu. Pengajaran juga merupakan satu tindakan bertujuan untuk membawa perubahan dari segi kepercayaan nilai dan makna. Ia juga merupakan satu aktiviti intelek (Vixley,1999 dalam Abd Rahman 2000)

Dari segi definasi pembelajaran pula, pembelajaran adalah satu proses perolehan maklumat, pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan. Manakala menurut Morgan dan King (1998) dalam Samsuddin (1999), pembelajaran sebagai apa sahaja tingkah laku yang kekal akibat pengalaman yang telah diperolehi atau latihan yang dijalankan. Dalam kajian ini aspek ciri-ciri guru berkesan dikalangan guru pelatih akan dikaji semasa proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan di dalam kelas.



## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pendahuluan**

Dalam bab ini menjelaskan dan membincangkan mengenai kajian literatur yang berkaitan dengan guru berkesan, pengajaran dan pembelajaran berkesan, teori dan model pengajaran dan pembelajaran, pendekatan pengajaran, strategi pengajaran, gaya pengajaran dan Latihan mengajar. Melalui sorotan kajian ini maklumat dan fakta yang diperolehi dapat membantu pengkaji dalam melaksanakan dan membuktikan kajian yang dijalankan.

#### **2.2 Guru berkesan**

Bidang pendidikan amat memerlukan guru-guru yang berkesan. Ini kerana keberkesanan sesuatu pengajaran yang berkesan adalah hasil dari guru berkesan. Perkara ini juga diutarakan oleh Cruickshank, Jenkins dan Metcalf (2006) yang berpendapat bahawa guru berkesan adalah seseorang guru yang boleh membantu pelajar memperolehi sebanyak mungkin dari pengajarannya.

##### **2.2.1 Ciri –ciri guru berkesan**

Model pertama perkaitan amalan pengajaran guru berkesan telah dikemukakan oleh Carroll (1963, 1989). Menurut Carroll (1963,1989) pengajaran guru berkesan dipengaruhi oleh lima faktor iaitu sikap (attitude), kebolehan untuk memahami pengajaran (ability to understand), ketekunan (perseverance), peluang (opportunity) dan pengajaran berkualiti (Quality of Instruction). Walaubagaimanapun, model ini

mempunyai kelemahan di mana terdapat antara faktor-faktor yang dianggap di bawah kawalan guru antaranya ialah kualiti pengajaran dan cukup peluang masa dan ada pula faktor-faktor yang dianggap di bawah kawalan pelajar iaitu memahami pengajaran dan ketekunan. Kedua – dua aspek di bawah kawalan guru dan pelajar haruslah seiring untuk menghasilkan keberkesanan dalam sesuatu pengajaran di dalam kelas.

Slavin (1987, 1994) telah membina model pengajaran yang baru setelah mendapati model awal Carroll mempunyai kelemahan. Model baru ini lebih memberi penekanan terhadap faktor pengajaran guru sahaja. Terdapat empat faktor yang mempengaruhi pengajaran berkesan menurut Slavin (1994) iaitu kualiti pengajaran (quality of instruction), kesesuaian aras pengajaran (appropriate level of instruction), insentif (incentive) dan masa (time).

### **2.3 Pengajaran dan Pembelajaran**

Bidang perguruan adalah sinonim dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran ialah sesuatu tugas dan aktiviti yang diusahakan bersama oleh guru dan pelajar. Pengajaran perlu dirancang oleh guru secara sistematik dan teliti untuk dilaksanakan dengan kaedah dan teknik mengajar yang sesuai, membimbing, menggalak dan memotivasikan pelajar supaya mengambil inisiatif untuk belajar, demi memperolehi ilmu pengetahuan dan menguasai kemahiran yang diperlukan.

Pembelajaran pula merupakan satu proses memperolehi ilmu pengetahuan dan kemahiran. Bagi pendapat Gagne (1970) pula, pembelajaran merupakan perubahan tingkahlaku atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan proses pertumbuhan. Pembelajaran juga dilihat sebagai perubahan dalaman yang berlaku kepada seseorang dengan membentuk perkaitan kepada seseorang dengan membentuk perkaitan yang baru, atau sebagai potensi yang sanggup menghasilkan tidak balas yang baru.

#### **2.3.1 Pengajaran berkesan**

Dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah adakalanya sebagai pelajar kita akan mudah tertarik dengan pengajaran dan mudah memahami apa yang diajar oleh seseorang guru. Pengajaran berkesan ialah pengajaran oleh guru atau

pensyarah yang penyayang, mengambil berat terhadap kebajikan pelajar, memberi sokongan kepada pelajar, dan berpengetahuan tentang matapelajaran yang diajar (Leblanc,1998).

Bagi Hunter, 1995 pula beliau berpendapat pengajaran berkesan sebagai pengajaran yang dapat meningkatkan pembelajaran dalam diri pelajar. Pembelajaran berlaku dalam suasana sihat dan bersemangat. Manakala Cruickshank,1995 pengajaran berkesan adalah guru berkesan dan boleh membantu pelajar belajar. Kedua-dua pendapat ini mempunyai persamaan tentang pengajaran berkesan, iaitu pengajaran yang boleh meningkatkan pembelajaran pelajar.

Menurut Alsagoff, (1983) pengajaran yang berkesan adalah merujuk kepada guru yang dapat membawa pelajar kepada hasil pembelajaran terakhir yang diinginkan dimana ia melibatkan corak pengajaran berstruktur dari segi organisasi bilik darjah serta mementingkan isi pelajaran. Selian itu , ia juga merujuk kepada perihal pengajaran guru yang lebih memuaskan kepada pelajar sehingga mereka tertarik mengikuti aktiviti pembelajaran. Pembentukan proses pengajaran berkesan mempunyai nilai yang berbeza-beza namun matlamatnya untuk melihat hasil daripada isi pengajaran yang disampaikan.

Slavin,(1994) telah mengutarakan empat elemen untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan iaitu dari segi kualiti pengajaran, aras pengajaran yang tepat, pemberian ganjaran, dan masa yang mencukupi. Menurutnya juga perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk membolehkan pelajar mudah belajar dan pengajaran yang disampaikan hendaklah sesuai dengan aras atau kebolehan pelajar. Guru juga perlu memberi galakan dan motivasi supaya pelajar terus berminat untuk belajar.

Dalam menghasilkan pengajaran yang berkesan terdapat dua aspek yang perlu dititik beratkan iaitu psikologi dan profesional. Aspek psikologi ialah pengajaran yang memberikan suasana sihat untuk belajar, kasih sayang, kebajikan,sokongan, motivasi, suasana gembira, hubungan dua hala dan sebagainya. Dari segi professional pula menjurus kepada menunjukkan kemahiran guru itu mengajar dengan mengaplikasi pelbagai kaedah mengajar yang memudahkan pemahaman pelajar, menanam minat untuk belajar di kalangan pelajar dan mempunyai pengetahuan yang luas lagi mendalam untuk membantu pelajar dalam pembelajaran. Di samping itu, guru perlu mempunyai kemahiran menggunakan



bahan bantu mengajar, kemahiran menyoal, menilai, melaksanakan 'hands-on activity' supaya dapat menghasilkan pengajaran yang berkesan.

## **2.4 Teori dan model pengajaran dan pembelajaran**

Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan merupakan suatu elemen yang penting untuk menyampaikan dan mengembangkan ilmu pengetahuan. Pengajaran berkesan dilihat sebagai suatu proses penyampaian maklumat dan memberikan pengalaman yang akan mengubah tingkah laku seseorang pelajar secara kekal. Kefahaman dan kemahiran yang diperolehi oleh seseorang pelajar dapat dilihat dari perubahan tingkah laku semasa sesi pengajaran atau semasa membuat latihan yang diberi oleh guru. Bagi (Hunter,1995 dalam Esah, 2003) berpendapat bahawa pengajaran berkesan sebagai pengajaran yang dapat meningkatkan pembelajaran dalam diri pelajar.

### **2.4.1 Teori konstruktivisme**

Dalam keadaan pengajaran terdapat beberapa teori yang boleh digunakan antaranya ialah teori pembelajaran behaviorisme, kognitivisme, Konstruktivisme, sosial dan sebagainya. Teori pembelajaran konstruktivisme adalah satu teori yang menekankan bahawa pengetahuan dibina secara aktif oleh individu yang berfikir. Bagi pendapat (McBrien & Brandt 1997 dan Brinee 1999) melalui teori ini pelajar akan menyesuaikan sebarang maklumat baru dengan maklumat sedia ada mereka untuk membentuk pengetahuan baru dalam minda mereka dengan bantuan interaksi sosial bersama rakan dan guru.

Dalam teori konstruktivisme menurut pandangan (Nik Pa, N. A. 1999) penekanan adalah tidak lebih daripada satu komitmen terhadap pandangan bahawa manusia membina pengetahuan sendiri. Ini membawa maksud sesuatu pengetahuan yang diperolehi oleh seseorang individu adalah hasil daripada aktiviti yang dilakukan oleh individu tersebut, dan bukan sesuatu maklumat atau pengajaran yang diterima secara pasif. Pengetahuan tidak boleh dipindahkan daripada pemikiran seseorang individu kepada pemikiran individu yang lain. Sebaliknya, setiap individu membentuk pengetahuan sendiri dengan menggunakan pengalaman secara terpilih.



Walaupun bagaimanapun, guru haruslah membantu pelajar dalam membina konsep atau pengetahuan baru dengan mengambil kira struktur kognitif yang sedia ada pada mereka. Apabila maklumat baru telah disesuaikan dan diserap untuk dijadikan sebahagian daripada pegangan kuat, barulah kerangka baru tentang sesuatu bentuk ilmu pengetahuan dapat dibina.

#### **2.4.1.1 Konsep Umum Pendekatan Konstruktivisme**

Pendekatan konstruktivisme mempunyai beberapa konsep umum seperti berikut:

- i) Pelajar aktif membina pengetahuan berasaskan pengalaman yang sudah ada.
- ii) Dalam konteks pembelajaran, pelajar seharusnya membina sendiri pengetahuan mereka.
- iii) Pentingnya membina pengetahuan secara aktif oleh pelajar sendiri melalui proses saling mempengaruhi antara pembelajaran terdahulu dengan pembelajaran terbaru.
- iv) Seseorang membina pengetahuan dirinya secara aktif dengan cara membandingkan informasi baru dengan pemahaman yang sudah ada.
- v) Ketidakeimbangan merupakan faktor motivasi pembelajaran yang utama. Faktor ini berlaku apabila seorang pelajar menyedari bahawa gagasannya tidak konsisten atau sesuai dengan pengetahuan ilmiah.
- vi) Bahan pengajaran yang sesuai disediakan perlu mempunyai perkaitan dengan pengalaman pelajar untuk menarik minat pelajar.

[ sumber: Modul Pembelajaran Secara Konstruktivisme, PPK ]

#### **2.4.1.2 Ciri-ciri P&P Konstruktivisme**

Pembelajaran dari perspektif konstruktivisme dilihat sebagai suatu proses pelajar membina makna secara aktif daripada pengalaman yang dilaluinya. Bagi membolehkan pelajar memahami sesuatu pengajaran, guru perlulah mencungkil pengetahuan sedia ada pelajar dan membina kefahaman berdasarkan pengetahuan sedia ada mereka. Menurut (Bodner, 1986 dalam Zurina Ismail, Syarifah Norhaidah Syed Idros & Mohd Ali Samsudin, 2006) mereka berpendapat bahawa pembelajaran secara konstruktivisme hanya berlaku dengan adanya penglibatan aktif pelajar dan

tahap pemahaman pelajar bergantung kepada pengetahuan sedia ada mengenai konsep yang dipelajari.

Berikut adalah beberapa ciri-ciri pembelajaran konstruktivisme yang terdapat dalam satu modul yang diterbitkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2001):

i) Ciri Pertama

Guru menggalakkan soalan atau idea yang dimulakan oleh pelajar dan menggunakannya sebagai panduan merancang pengajaran. Ini bermakna guru perlu hanya menyediakan garis kasar dalam menyediakan rancangan pengajaran mereka. Seterusnya pelaksanaan pengajaran mereka bergantung kepada responden pelajar mereka.

ii) Ciri Kedua

Guru perlu menggalakkan pelajar supaya berbincang sesama mereka mahupun dengan guru. Ini dapat dipupuk apabila guru memberi respon kepada persoalan yang ditanya oleh pelajar. Pelajar juga digalakkan untuk berbincang sesama mereka dalam memberikan idea masing-masing. Ini menunjukkan bahawa dalam pendekatan konstruktivisme ini penglibatan pelajar adalah secara aktif dan bukan sekadar menjadi pemerhati dalam sesuatu pelajaran yang dipelajari.

iii) Ciri Ketiga

Guru perlu menganggap proses pembelajaran adalah sama penting dengan hasil pembelajaran. Ciri ini bermaksud dalam pendekatan konstruktivisme, proses pengajaran dan pembelajaran adalah amat penting kepada pelajar kerana pada waktu ini pelajar akan berusaha untuk mencari penyelesaian kepada masalah serta membantu mereka berfikir secara kreatif dan kritis.

iv) Ciri Keempat

Pendekatan konstruktivisme ini juga menyokong pembelajaran secara koperatif (kumpulan). Ini kerana pendekatan konstruktivisme dan pembelajaran koperatif tidak mempunyai perbezaan yang ketara. Dalam pembelajaran koperatif, pelajar akan bekerjasama dalam kumpulan kecil dan menyelesaikan tugas yang diberikan. Pembelajaran secara berkumpulan akan membantu dirinya dan rakan-



PTAAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNGU AMINAH

rakan kumpulan belajar bersama-sama untuk mencapai matlamat yang sama.

v) Ciri kelima

Guru berperanan untuk memberi galakan dan menerima daya usaha dan autonomi pelajar. Guru tidak perlu memandang rendah kepada usaha pelajar walaupun apa yang dilakukan oleh pelajar tidak menepati kehendak mereka. Ini akan menyebabkan pelajar merasakan usaha mereka dihargai dan akan bersemangat untuk mencuba lagi di lain hari.

vi) Ciri Keenam

Guru perlu memberi peluang kepada pelajar untuk membina pengetahuan baru dengan memahaminya melalui penglibatan mereka dengan situasi dunia yang sebenar. Bagi membantu pelajar dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Guru perlu mendedahkan pelajar mereka dengan dunia sebenar di mana masalah berkaitan wujud.

vii) Ciri Ketujuh

Guru perlulah menggalakkan proses inkuiri pelajar melalui kajian dan eksperimen kerana kaedah eksperimen adalah salah satu kaedah pengajaran yang berpusatkan pelajar.

viii) Ciri Kelapan

Guru perlu mengambil kira dapatan kajian tentang bagaimana murid belajar sesuatu idea. Ciri ini adalah penting bagi seorang guru supaya mereka tahu sejauhmana kebolehan pelajar mereka mentaksir sesuatu masalah berkaitan topik yang diajar. Maklumat ini penting untuk guru kerana konstruktivisme amat menegaskan kepentingan membina pengetahuan secara aktif melalui proses saling pengaruh antara pembelajaran terdahulu dengan pembelajaran terkini.

ix) Ciri kesembilan

Guru perlu mengambil kira kepercayaan sikap yang dibawa oleh pelajar. Perkara ini dipersetujui oleh Long, A. (1980) dalam Khalid, N. (2005) yang berpendapat pengalaman adalah kesan yang terhimpun di dalam ingatan seseorang hasil dari penerimaan ransangan, pembelajaran dan tingkah laku. Ketiga-tiga adalah saling berkaitan



kerana guru perlu memastikan kesemuanya dalam keadaan yang terbaik bagi mendapatkan hasil pelajaran yang maksimum.


( Sumber: Modul Pembelajaran Secara Konstruktivisme, PPK)

## 2.4.2 Model Slavin

Model Slavin, (1987), memberi empat kriteria tentang pengajaran guru yang berkesan iaitu kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran, insentif dan masa. Marzuki (1998) menyatakan, kualiti pengajaran ialah keupayaan guru untuk menyampaikan isi pelajaran atau kemahiran dengan mudah difahami oleh pelajar, mudah diingati dan dalam keadaan yang menyeronokkan. Antara dapatan kajian berhubung dengan kriteria kualiti pengajaran yang berkesan ialah keupayaan guru menyampaikan isi-isi pengajaran secara tersusun dan sistematik (Kallison, 1986) menggunakan bahasa yang mudah (Land, 1987); penerangan guru yang jelas beserta contoh-contoh yang berkaitan (Mayer & Gallini, 1994), penekanan kepada isi-isi penting serta dikaitkan dengan pengalaman.

## 2.4.3 Model pengajaran Robert Glaser

Secara umum, sesuatu proses pengajaran mempunyai empat komponen asas iaitu objektif pengajaran, pengetahuan sedia ada, kaedah pengajaran dan proses penilaian. Guru perlulah memberi maklum balas bagi setiap setiap komponen untuk membantu dan membimbing pelajar untuk mempelajari sesuatu konsep. Model pengajaran yang terlibat empat komponen ini adalah sebagaimana yang diutarakan oleh (Glaser, 1968). Model Robert Glaser adalah seperti berikut:



Rajah 2.1: Proses pengajaran Berasaskan Model Glaser

Dalam proses pengajaran Model Glaser ini, proses pengajaran bermula daripada penentuan objektif pengajaran. Ini kerana melalui objektif pengajaran adalah perkara yang jelas tentang tingkah laku yang dapat dibuat oleh pelajar untuk menunjukkan sesuatu yang telah dipelajari. Objektif pengajaran merupakan hasil pengajaran yang dijangkakan dan ia merujuk kepada perubahan pada tingkah laku, perolehan dan penguasaan ilmu pengetahuan, nilai serta kemahiran.

Komponen kedua yang ditekankan adalah pengetahuan sedia ada. Robert Glaser berpendapat bahawa pengetahuan sedia ada adalah pintu bagi tingkah laku ke dalam proses pengajaran. Guru menggunakan pengetahuan sedia ada yang ada pada pelajar untuk merancang dengan baik kandungan dan strategi pengajaran dan pembelajaran. Biasanya, pengetahuan sedia ada merujuk kepada kebolehan intelek, aras motivasi dan penentu-penentu sosial serta budaya para pelajar. Dalam sesuatu pengajaran dan pembelajaran, guru harus memandang berat komponen ini untuk membolehkan mereka menghasilkan satu bentuk pengajaran yang berkesan.

Kaedah mengajar merupakan komponen ketiga yang ditekankan dalam model ini. Komponen ini menekankan strategi tertentu yang melibatkan satu siri aktiviti secara sistematik dan efektif. Perkara ini adalah berlandaskan kepada prinsip dan teori-teori pengajaran dan pembelajaran tertentu.

Komponen terakhir dalam model Glaser ini ialah penilaian. Penilaian dijalankan untuk menentukan sama ada para pelajar telah dapat mencapai objektif yang telah ditentukan oleh guru. Penilaian dilakukan melalui proses bersoal jawab, pemerhatian, ujian formal atau tidak formal dan sebagainya. Hasil penilaian ini akan menyediakan maklumat penting untuk membolehkan guru mengesan kelemahan dan kekuatan pengajaran mereka. Ini membolehkan guru merancang dan memperbaiki strategi untuk pengajaran yang lebih berkesan.

#### **2.4.4 Model Pengajaran SIM**

Menerusi model pengajaran ini Sim berpendapat bahawa proses pengajaran melibatkan interaksi antara lima komponen penting iaitu objektif, guru, murid, isi, dan persekitaran. Dalam sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran, proses berinteraksi boleh berlaku antara guru dan murid dan komponen yang lain. Semasa berlaku interaksi, salah satu komponen akan menjadi fokus utama.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman, A. d. (2000). *Cabaran Dalam Perlaksanaan Projek Sarjana Di Kalangan Projek Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasioanal Di Kuittho*. Kuittho: Tesis Sarjana.
- Abdul Rahim, A. R, 1999, *Profesionalisme Motivasi Pengurusan Bilik Darjah*, Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributions Sdn Bhd.
- Ahmad, R. (2008). *Pengajaran Guru, persekitaran Pembelajaran dan Sikap Murid dalam Pembelajaran KOMSAS>*. Tesis Program Sarjana Pendidikan (Tidak Diterbitkan). Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia.
- Alsagoff, S. A. (1983). *Ilmu Pendidikan: Pedagogi*. Kuala Lumpur: Heineman Educational Books (Asia) Ltd.
- Abdul Rahim, A. R. et al. (1992). *Panduan Latihan Mengajar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Bakar, N. & Ikhsan (2008). *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*. Perak: Quantum Book.
- Abu, B. (2006). *Tahap Kesediaan Pedagogi Guru Pelatih Fakulti Pendidikan, UTM Dalam Latihan Mengajar*. Kertas kerja dibentang dalam Kolokium Fakulti Pendidikan, UTM, Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai, Johor.
- Arbaa, R. Jamil, H. & Razak. N. A. (2010). *Teachers-student Relationship and Its Relation with Student Learning Commitment: Do Quality Teacher Make a Different Learning between Student Genders?*. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2)(2010): 61-69
- Ashari, O. (1999). *Pengajaran Kreatif untuk pembelajaran Aktif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Babbie, E. (1990). *" Survey Research method "*. 2 nd.ed.Belmond. C.A: Wadsworth.



- Bond, T. G & Fox, C. M (2007). *Applying the Rasch Model Fundamental Measurement in the Human Science*. 2<sup>nd</sup> Ed. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Brinee, M. (1999).[http://carbon.cudenver.edu/~mryder/itc\\_data/constructivism.html](http://carbon.cudenver.edu/~mryder/itc_data/constructivism.html).
- Brown, R.,(1988). *Roger Brown*. In: Lindzey, G. (Ed.), *A history of Psychology in Autobiography*, volume VIII. Stanford University Press, Stanford, CA.
- Caroll, J. (1963). *A Model of School Learning* . Teacher College Record,(64), 723-773.
- Caroll, J. (1989). *The Carroll Model: A 25 years Restrospective and prospective View*. Educational Research, (18), 26-31.
- Crow D.L dan Cow A. (1983). *Psikologi Pendidikan Untuk Pengguna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cruickshank, D. R., Jenkins, D. B., & Metcalf, K. K. (2006). *The act of teaching*. New York: McGraw-Hill.
- Cruickshank, Donald R. (1995). “ *The Art of Teaching*.” New York: Mcgrow-Hill.
- Dick, W & Reiser (1989). “*Planning Effective Instruction*”. Englewood Cliffs, NJ.: Prentice Hall.
- Durr, A.J. 2008. Teacher Education’s Critical Issues with Teacher Quality. Paper presented at the Annual Meeting of the MWERA Annual Meeting, [www.allacademic.com/meta/p275298\\_index.html](http://www.allacademic.com/meta/p275298_index.html). 25 November 2008.
- Ea, A. M. (1999). *Pendidikan di Malaysia II*. Cetakan kedua, Alan: Fajar Bakti Sdn.Bhd
- Ee, A. M. (2002). *Psikolgi Pendidikan III*. Selangor: Fajar bakti.
- Esah Sulaiman, (2003). *Asas Pedagogi*. Johor: Cetak Ratu sdn. Bhd.
- Fleisher, S. 2005. *Self-regulation and Teacher-Student Relationships*. [www.thefreelibrary.com/Self-regulation+and+teacher-student+relationships-a014263](http://www.thefreelibrary.com/Self-regulation+and+teacher-student+relationships-a014263). 07 Januari 2009.
- Gage, N. L., & Berliner, D. C. (1991). *Educational psychology (5thed.)*. Boston: Houghton Mifflin.
- Garge, R. M. (1970). *The Conditions of Learning*. United States: Hartford, CT, United States
- Ghafar, M. N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: UTM
- Glaser, R. (1968). *Concept Learning and Concept Teaching. Learning Research and School Subjects*.Itasca,III : Peacock.



- Halim, L. et al. (2001). *Tahap Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Pelatih Fizik dan Bukan Fizik Melalui Pengajaran Eksplisit dan Implisit. Jurnal Pendidikan.* 26, 65 – 80.
- Hattie, J. (2003). *Teachers Make a Difference What is The research Evidence?* [www.docstoc.com/docs/2251792/ Teachers-make-a-difference](http://www.docstoc.com/docs/2251792/Teachers-make-a-difference).
- Henry, M. a. (1979). *Supervising Student Teachers The Profesional Way: A Guide for Cooperating Teachers.* Terre Haute.IN.: Sycamdre Press.
- Hebert, E. & Worthy, T. 2001. *Does the first year of teaching have to be a bad one? A casestudy of success.* Teaching and Teacher Education, 17, 897-911.
- How, L. C. (2007). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Gejala Ponteng di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah.* . kertas Tesis Sarjana (Tidak Diterbitkan). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kassim.A.H., Kamaruddin.M.I., Ali.M.B., Abu.M.S., & Osman, M. (1994). *Penilaian Penyeliaan Latihan Praktik Mengajar Dari Perspektif Guru Pelatih.* Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Latihan Keguruan Antara UniversitiKe 9, Bangi:UKM
- Kamus Dewan (1996). Kula Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalid, H. A. (2003). *Teachers Make A Difference What Is The Research Evidence?* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia: Kertas Program Sarjana (Tidak diterbitkan).
- Kallison. (1986). *Effect of lesson organization achivement.* American Educational Research Journal, 23, 337-347.
- Kellough, R. (2000). *A Resource Guide For Teaching:K 12.* New Jersey:: PrenticeHall.
- Khalid, H. A. (2003) *Sikap dan motivasi terhadap bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.* Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, & Kementerian Pelajaran Malaysia. (2005). *Penilaian Latihan Mengajar Dalam Program Pendidikan Guru Di Malaysia.* Pulau Pinang: Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru (JPPG) Malaysia, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.
- Krejcie, R. d. (1970). *Research., Determining Sample Size For. Unitede State: Educational and Psychological Measurement.*



PTA UTHM  
PERPUSTAKAAN FAKULTI PENDIDIKAN



- Konting, M. M (2004). *“Kaedah Penyelidikan Pendidikan.”* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Land, M. L. (1987). *Vagueness and clarity. Dalam Dunkin (Ed.). Internatioanal encyclopedia of teaching and teacher education.* N.Y:Pergamon.
- Leedy, P. &. (2005). *practical research: Planning and Design.(8th ed.). Upper Saddle River, . NJ: Pearson Education, Inc.*
- Linacre, J. (1999). *Investigating rating scale category utility.* Journal of Outcome Measurement, 3:2,, 103-122.
- Linacre, J. M. (2005). *“Measurement, Meaning and Morality,”* MESA Research Memorandum No. 71. Available at: [www.rasch.org/memo71.pdf](http://www.rasch.org/memo71.pdf).
- Long, A. (1980). *Pedagogi Kaedah Am Mengajar.* Petaling Jaya: Fajar Bakti. Sdn. Bhd.
- Lokman A. W, Osman, M. et al (2002) *Persepsi Pelajar Terhadap Pelaksanaan Aktiviti Pengajaran Mata Pelajaran Opsyen Di Maktab Perguruan Institut Bahasa Melayu Malaysia, Kuala Lumpur*
- Marzuki, S. (1998). *Pengajaran Guru yang Berkesan Berdasarkan Model Slavin: Satu kajian di Sekolah Rendah Berkesan di Malaysia.* Bangi: Tesis Ijazah Doktor Falsafah di fakulti Pendidikan UKM,.
- Mayer, R. A. (1994). *When Is An Illustration Worth Ten Thousand Words.* Journal of Education Psychology.
- McBrien,J.L & Brandt,R.s. (1997). *The Language of Learning : A Guide to Education Terms. VA. Association for Supervision and Curriculum Development.*
- Mohd. Najib, A G (2003). *Reka Bentuk Tinjauan, Soal Selidik Pendidikan Johor:* Universiti Teknologi Malaysia.
- Mok, S.S. (2000). *Pedagogi 2 Perlaksanaan Pengajaran* Edisi Dua. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Mok, S. S. (2007). *Ilmu Pendidikan Untuk KPLI (Komponen 3:Profesional Keguruan) sekolah Rendah.* Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.
- Moris, Z. (2007). *50 Tahun Pembangunan Pendidikan Tinggi di Malaysia (1957 – 2007).* USM.
- Nor Fadila Mohd. Amin, M. S. (2012). *The Appllication of Rasch Measurement Model in Measuring Change in Students Self- Directed Learning Reading.* UTM: Faculti of Education:.



- Nik pa, N. A. (1999). *Pembentukan Model Pengajaran Matematik Berlandaskan Konstrutivisme Radikal*. Science and Mathematics Education, 11, 27-36.
- Omar, S., Aris, B.,Awang, M. G et. al. (1994). *Penilaian Penyeliaan terhadap Prestasi Guru Pelatih UTM dalam Latihan Mengajar*. Seminar Jawatan Kuasa Latihan Keguruan Antara Universiti Ke-9. Bangi, Selangor: UKM.
- Othman,H. & Hamzah, M. D. (2001). Latihan Mengajar Kendalian Sekolah: Penerokaan Komponen-komponen Kecekapan Mengajar Guru Pelatih Pra-siswazah. Kertas kerja dibenteng dalam Conference On Challenges And Prospects In Teacher Education, Concorde Hotel, Shah Alam, pada 16-17 Julai 2001.
- Prof. Madya Dr. Azizi Yahaya & Gangagoury A/P Chinnapan. *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Hidup Di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di Johor Bahru*. Skudai Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
- Piaw, C. Y. (2006). *Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGrawHill.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Modul Pengajaran Secara Kostruktivisme*. In K. P. Malaysia. Kuala Lumpur.
- Ramli, W. M. (2008, Julai 25). *Ambil Peluang Jadi Guru Berilmu*. Retrieved June 9, 2012, from <http://perkhidmatanpelajaran.blogspot.com/2008/07/ambil-peluang-jadi-guruberilmuhtml>
- Rashid, S. A. (2003). *Pemikiran Profesional Keguruan Terhadap Kurikulum dan Pengajaran*. Seminar Pendidikan MPBL.
- Raths, J. (2001). *Teachers' Beliefs and Teaching Beliefs*. *Early Childhood Research And Practice*, 3(1), 1-10.
- Samsuddin, M. (1999). *"Permasalahan Dalam Pembelajaran Mata Pelajaran Teknologi Kejuruteraan Di Sekolah-Sekolah Negeri Pulau Pinang"*. UTM: Tesis Sarjana.
- Sander, W. L. (1996). *Cumulative and Residual Effects of Teachers of Future Students Academic Achierement*.[www.mccs.edu/~curriculum/cumulative%20and%20residual%20effect%20%20of%20teachers.pdf](http://www.mccs.edu/~curriculum/cumulative%20and%20residual%20effect%20%20of%20teachers.pdf).
- Salleh A R. (2003). *Pemikiran Profesional Keguruan Terhadap Kurikulum dan Pengajaran*. Dibentangkan di Seminar Pendidikan MPBL.



- Shahril @ Charil M. (2004), *Profil Ciri Guru yang Berkualiti: Satu Kajian Kes di Beberapa Buah Sekolah Menengah di Malaysia*, Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Guru. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sulaiman, E. (2003). *Asas Pedagogi*. Johor Baharu: Universiti Teknologi Malaysia.
- Shulman, L. (1987). *Knowledge and teaching: Foundations of the new reform*. Harvard Educational Review, 57(1), 1-22
- Singh, D. R. (2007). *Panduan Ulangkaji Pendidikan untuk KPLI Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Slavin, R. (1987). *A theory of scholl and classroom organization*. Educational Psychologist, 22, 89-108.
- Slavin, R. (1994). *A Theory of School and Classroom Organization*. Dalam R. Slavin, (Edu.), *School and Classroom Organization*. Hillsdale, NJ : Erlbaun.
- Smith, L.M. (1969). *Group Processes in Elementary and Secondary Schools*. Washington, D.C.: National Education Association of Classroom Teachers.
- Salkind, N. (2003). *Exploring research*. New Jersey: Pearson Education Ltd.
- Wiersma, W. (1995). *Research Methods In Education*. An Introduction sixth Edition. Massachusetta: Allyn & Bacon.
- Wiersma, W. & Jurs, S. G (2005) *Research Method in Education*. 8<sup>th</sup> Edition. New York: Pearson Education, Inc.
- Yahaya, A. & Nor, R. M (2001). *Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kalangan Guru Matapelajaran Teknikal Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*.
- Yahaya, A. & Saidun, N. *A Persepsi Pelajar Terhadap Keberkesanan Pengajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Menengah Skudai Johor: Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*.
- Zakaria, K., Soaib Asimirin, Jamian, A. R. & Othman. Y. (2001). *Persepsi Pelatih Terhadap Latihan Mengajar*. *Suara Pendidik* (23), 20-30.

